

Ketua Pemuda dan Wanita ditanding semula 1993 — Dr. M

UM 26 NOV 1990

KUALA LUMPUR 25 Nov. — Jawatan Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO akan dibuka semula kepada pertandingan dalam pemilihan 1993, kata Presiden parti, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau juga berkata, usul mengenai raja-raja boleh dibincangkan secara terbuka pada perhimpunan agung ini asalkan ia dibuat secara sopan dan

mengikut adat resam orang Melayu.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua-Ketua Bahagian UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini, Presiden UMNO itu berkata, beliau tidak nampak mengapa jawatan Ketua Pemuda tidak boleh dipilih semula setelah keadaan dalam parti stabil.

Katanya, tujuan Majlis Ter-

tinggi (MT) UMNO memutuskan supaya jawatan itu dilantik ketika UMNO baru dipulihkan adalah untuk mengelakkan berlakunya sekali lagi perpecahan dalam parti.

Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, ramai pihak yang keliru mengenai pemberian 10 undi kepada mana-mana tokoh yang dicalonkan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti.

Tegasnya lagi, tujuan utama diwujudkan pemberian 10 undi itu dalam perlembagaan adalah kerana parti mendapati, para perwakilan ada kalanya tidak begitu menghiraukan keputusan yang dibuat oleh bahagian.

Mengenai usul raja-raja, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, MT akan mengkaji bagaimanakah caranya usul itu perlu dibentangkan.

Bagaimanapun Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa beliau tidak nampak sebarang sebab mengapa usul itu tidak wajar dibincangkan oleh ahli-ahli UMNO.

"Kerajaan juga sebenarnya tidak boleh ditegur jika diikuti Akta Hasutan, mana-mana pihak yang cuba menimbulkan rasa benci rakyat kepada kerajaan boleh didapati bersalah di bawah akta tersebut tetapi kerajaan tetap tidak ambil apa-apa tindakan walaupun dihentam sebagai tidak adil," katanya.

Kata beliau, kalau sesuatu institusi tidak boleh ditegur, ini bermakna jika berlaku penyelewengan, ia mungkin diteruskan tanpa dan apabila ia diteruskan keadaan mungkin tidak boleh dibendung lagi.

Dalam soal raja-raja ini, katanya, pucuk pimpinan tidak melihat sebarang kesalahan jika ia dibahaskan secara sopan dan mengikut adat dan luno-lunas yang baik.

Tidak terlibat

Menjawab satu soalan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata bahawa beliau tidak terlibat dengan sebarang kempen atau pun menyokong mana-mana calon.

Ditanya apakah beliau tidak merasa untuk meletakkan jawatan pada ketika rakan-rakan karibnya seperti Puan Margaret Thatcher dan Encik Lee Kuan Yew sudah pun dalam proses meninggalkan jawatan mereka, Dato' Sri Dr. Mahathir sambil tersenyum berkata, itu tidak menjadi hal.

"Yang menjadi hal ialah apakah rakyat masih memerlukan saya, jika mereka mengundi menolak saya, apa boleh buat, kita turunlah, tapi nampaknya dalam pilihanraya baru-baru ini dan dalam pencalonan jawatan Presiden parti, mereka masih sukakan saya lagilah..." katanya.

Mengenai jemputan Menteri Besar Pas, Haji Nik Aziz, Nik Mat kepada Perdana Menteri untuk mengunjungi Kelantan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau susah hendak membuat keputusan apabila jemputan itu dibuat hanya melalui akhbar.